Luther.

# Personal Data Protection Policy
**of**
**Luther Corporate Services Sdn Bhd**

## Introduction

In the course of the provision of our services and in order to operate effectively, Luther Corporate Services Sdn. Bhd. (collectively referred to as "**Luther**") need to collect, use and disclose personal information about individuals, including but not limited to personal information of current, past and prospective employees and personal information of individuals related to or provided by our individual or corporate clients.

The purpose of this policy is to detail our approach to protection of Personal Data (as defined below) and to ensure the consistent handling of Personal Data and the compliance with the regulations of the Malaysia Personal Data Protection Act 2010 ("**PDPA**").

## Personal Data

"Personal Data" collected, used and disclosed by Luther will include a variety of information such as the full name, personal contact details, NRIC/Passport number, information about income, bank account information, education, work experience, date and place of birth, marital status, religion and such other information as required for the purposes as stated below.

Such Personal Data may be provided to Luther by yourself, your employers, your agents, your representatives, your service providers or any lawful sources by whatsoever means and/or in whatsoever manner.

## Purposes of collection, use and disclosure of Personal Data

Luther may collect, use and disclose Personal Data for the purposes of:

i) provision of our services, conduct of our business and any other incidental matters relating to our services and operation;
ii) client relationship management (including sending updates, information relating to our services and business, services offered by third parties, events invitation, newsletters or publications and marketing material);
iii) obtaining feedback for participation of our events or our services;
iv) regulatory compliance and internal record keeping;
v) managing or terminating employment relationships and for evaluative purposes with respect to employees;
vi) evaluating and processing employment applications; and
vii) all other purposes necessary and/or incidental to our business and all purposes necessary for or related to any of the above purposes.

Should Personal Data be required to be used for a new purpose, the data subject's approval will be obtained prior to using his/her Personal Data for the new purpose or the data subject will be notified respectively, provided that no exemption to the consent or notification obligation applies according to the PDPA.

In case our clients provide us with any Personal Data of third parties, including but not limited to Personal Data of our clients' employees, related individuals, agents, business partners and/or opponents, our clients need to obtain all consents, if necessary, from such third parties to collect, use and disclose Personal Data for the purposes as set out above.

**Disclosure and Transfer of Personal Data**

Personal Data may be disclosed within Luther, to any of its existing or future related or associated companies or to any other third party/ies such as auditors, professional consultants or advisors (including law firms), accountants, agents, insurers, governmental bodies and authorities or any other third party in order to satisfy the purposes for which the Personal Data have been collected.

Personal Data may also be transferred outside Malaysia in accordance with the requirements of the PDPA.

## Protection

Appropriate technical, organisational and administrative security measures are in place to protect Personal Data against unauthorised access, collection, use, disclosure, copying, alteration, accidental loss or theft, destruction, damage or similar risks.

All employees of Luther are made aware of the importance of maintaining confidentiality of the Personal Data collected from our clients, staff or any other parties. The access to Personal Data of employees is on a need to know basis only. The employees are instructed not to discuss any cases with third parties unless an authorization from the data subject, so to do, exists, or unless an exemption under the PDPA or any other legislation is applicable.

## Retention

Luther will keep Personal Data not longer than is necessary for the purpose it was collected for or any business or legal purposes ("Purposes"). Luther will take all reasonable steps to ensure that all Personal Data is destroyed, permanently deleted or anonymised if it is no longer required for those Purposes.

## Accuracy

Personal Data held by Luther is usually provided either by the client or the data subject himself/herself and Luther is therefore not responsible for its accuracy in the first instance. However, if there is a complaint about the inaccuracy of Personal Data kept by Luther that complaint can be referred to the Data Protection Officer.

## Rights of Data Subject

Under the PDPA the data subject has the right to refuse or withdraw his/her consent to the collection, use and disclosure of his/her Personal Data. In the event that a data subject has refused or withdrawn his/her consent, Luther will advise the data subject on the consequences of the refusal or withdrawal and will cease to use or disclose the Personal Data.

In any event, would you fail to consent the processing of your Personal Data by Luther, Luther may not able to:

i) provide the services requested;
ii) respond or handle any of your queries and requests; and
iii) send updates, information relating to our services and business, services offered by third parties, events invitation, newsletters or publications and marketing material; and
iv) if you are an employee of Luther, comply with its obligations as an employer and therefore, maintain the employment relationship between Luther and you.

The data subject has according to the PDPA the right to access information held about him/her by Luther and, if the details are inaccurate, the data subject may request that the data shall be amended. The right of access and correction can be exercised in accordance with the PDPA. Any access request may be subject to a fee to meet the cost in providing the data subject with details of the information Luther holds about the data subject. Such request shall be made in writing to the Data Protection Officer at the address below.

**Data Protection Officer**

Luther has appointed Mrs. Angeline Forbes as its Data Protection Officer. Any requests and complaints shall be addressed to the Data Protection Officer. The Data Protection Officer can be contacted via the email address angeline.forbes@luther-services.com.

**Amendment of Policy**

Luther reserves the right to change or amend this Personal Data Protection Policy from time to time at its sole discretion. The revised Policy will be available from the Data Protection Officer.

# Polisi Perlindungan Data Peribadi

## untuk

## Luther Corporate Services Sdn Bhd

**Pendahuluan**

Untuk memastikan operasi dan perkhidmatan kami berjalan dengan lancar dan efektif, Luther Corporate Services Sdn. Bhd. (selepas ini dirujuk sebagai "**Luther**") perlu mengumpul, menggunakan atau mendedahkan data peribadi berhubung dengan individu-individu, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat peribadi pekerja-pekerja masa kini, dahulu dan masa depan, dan maklumat peribadi berhubung dengan atau dibekalkan oleh pelanggan perseorangan atau pelanggan korporate kami.

Tujuan polisi ini adalah untuk menjelaskan pendekatan untuk melindungi data peribadi (seperti yang ditakrifkan bawah) dan memastikan pengurusan yang konsisten terhadap data peribadi dan pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (selepas ini dirujuk sebagai "**PDPA**") di Malaysia.

**Data Peribadi**

"Data Peribadi" yang dikumpulkan, digunakan dan didedahkan oleh Luther termasuk pelbagai jenis maklumat seperti nama penuh, maklumat perhubungan peribadi, nombor kad pengenalan/nombor passport, maklumat berhubung dengan pendapatan, maklumat akaun bank, pendidikan, pengalaman kerja, tarikh dan tempat lahir, status perkahwinan, agama dan maklumat-maklumat lain yang diperlukan untuk tujuan yang dinyatakan selepas ini.

Data Peribadi tersebut mungkin anda bekalkan atau dibekalkan oleh majikan anda, ejen anda, wakil anda, pembekal perkhidmatan anda atau daripada sumber yang sah di sisi undang-undang kepada Luther dengan apa-apa cara.

**Tujuan-tujuan Pengumpulan, penggunaan dan pendedahan Data Peribadi**

Luther boleh/akan mengumpul, menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi untuk tujuan berikut:

i) penyediaan perkhidmatan kami, perniagaan kami dan apa-apa perkara sampingan yang berhubungan dengan perkhidmatan dan operasi kami;
ii) pengurusan perhubungan pelanggan (termasuk menghantar pengemaskinian, maklumat yang berkaitan dengan perkhidmatan dan perniagaan kami, perkhidmatan yang

ditawarkan oleh pihak ketiga, jemputan acara, buletin atau penerbitan dan bahan pemasaran);

iii) memperoleh maklum balas bagi penyertaan acara-acara kami atau tentang perkhidmatan kami;
iv) pematuhan peraturan dan penyimpanan rekod dalaman;
v) menguruskan atau menamatkan hubungan pekerjaan dan untuk tujuan penilaian pekerja-pekerja;
vi) menilai dan memproses permohonan pekerjaan; dan
vii) semua tujuan lain yang diperlukan dan/atau yang bersampingan dengan perniagaan kami dan semua tujuan yang diperlukan untuk, atau berkaitan dengan, mana-mana tujuan di atas.

Sekiranya Data Peribadi perlu digunakan untuk sesuatu tujuan baru yang tidak dinyatakan di atas, persetujuan subjek data akan diperoleh sebelum Data Peribadi digunakan untuk tujuan baru tersebut atau subjek data akan dimaklumkan masing-masing, jika tiada peruntukan dalam PDPA yang mengecualikan tanggungjawab kami untuk mendapatkan persetujuan atau kewajipan pemberitahuan.

Sekiranya pelanggan kami membekalkan Data Peribadi pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada Data Peribadi pekerja pelanggan kami, individu yang berkaitan, ejen, rakan perniagaan dan/atau pihak penentang, pelanggan kami perlu mendapatkan semua persetujuan, sekiranya perlu, daripada semua pihak ketiga supaya membolehkan Luther mengumpul, menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi untuk tujuan yang dinyatakan di atas.

**Pendedahan dan Pemindahan Data Peribadi**

Data peribadi boleh didedahkan oleh Luther kepada mana-mana syarikat yang berkaitan atau bersekutu yang sedia ada atau yang akan datang, atau kepada pihak ketiga seperti juruaudit, perunding atau penasihat profesional (termasuk firma guaman), akauntan, ejen, syarikat insurans, badan-badan kerajaan dan pihak berkuasa atau mana-mana pihak ketiga yang lain untuk tujuan Data Peribadi dikumpulkan.

Data Peribadi juga mungkin akan dipindahkan ke luar Malaysia dengan mematuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh PDPA.

**Perlindungan**

Langkah-langkah keselamatan berhubung dengan teknikal, organisasi dan pentadbiran yang sesuai akan diambil untuk melindungi Data Peribadi daripada akses, pengumpulan, penggunaan, pendedahan, penyalinan, pengubahan yang tidak dibenarkan, kehilangan atau kecurian, kemusnahan, kerosakan atau apa-apa risiko yang serupa.

Semua pekerja Luther dimaklumkan tentang kepentingan mengekalkan kerahsiaan Data Peribadi yang dikumpul daripada pelanggan, pekerja kami dan mana-mana pihak yang lain. Pekerja-pekerja Luther hanya mengakses Data Peribadi sekiranya perlu sahaja. Pekerja-pekerja diarahkan untuk tidak membincangkan apa-apa kes dengan pihak-pihak ketiga melainkan dengan persetujuan daripada subjek data untuk berbuat demikian atau terdapat pengecualian di bawah PDPA atau mana-mana undang-undang lain yang berkenaan.

**Penyimpanan**

Luther akan menyimpan Data Peribadi tidak lebih lama daripada yang diperlukan bagi memenuhi tujuan pengumpulannya atau pengumpulan untuk perniagaan atau menurut undang-undang ("Tujuan"). Luther akan mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa semua Data Peribadi dimusnahkan, dipadamkan secara kekal atau memadamkan rujukan yang dapat menunjukkan identiti subjek data jika Data Peribadi tersebut tidak lagi diperlukan untuk Tujuan yang dinyatakan.

**Ketepatan**

Data Peribadi yang diterima oleh Luther biasanya disediakan sama ada oleh pelanggan atau subjek data sendiri, oleh itu Luther tidak bertanggungjawab terhadap ketepatannya pada mulanya. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat aduan mengenai ketidaktepatan Data Peribadi yang disimpan oleh Luther, aduan boleh dirujuk kepada Pegawai Perlindungan Data yang dinyatakan di bawah.

**Hak-hak Subjek Data**

Menurut PDPA, subjek data berhak untuk tidak bersetuju atau menarik balik persetujuannya untuk pengumpulan, penggunaan dan pendedahan Data Peribadi. Sekiranya subjek data tidak bersetuju atau menarik balik persetujuannya untuk pemprosesan Data Peribadi, Luther akan menasihati subjek data akibat keengganan atau penarikan balik tersebut dan akan berhenti menggunakan atau mendedahkan Data Peribadi.

Sekiranya anda gagal untuk memberikan persetujuan untuk pemprosesan Data Peribadi kepada Luther, Luther mungkin tidak dapat:

i) memberi perkhidmatan yang diminta;
ii) bertindak balas atau mengendalikan apa-apa pertanyaan dan permintaan anda;
iii) menghantar pengemaskinian, maklumat yang berkaitan dengan perkhidmatan dan perniagaan Luther, perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak ketiga, jemputan acara, buletin atau penerbitan dan bahan pemasaran; dan
iv) jika anda merupakan seorang pekerja Luther, mematuhi obligasinya sebagai majikan dan mengekalkan hubungan pekerjaan antara Luther dengan anda.

Menurut PDPA, subjek data berhak untuk mengakses Data Peribadinya yang dipegang oleh Luther. Sekiranya butir-butir tentang Data Peribadi tersebut adalah tidak tepat, subjek data itu boleh meminta bahawa Data Peribadi itu dipinda dan dibetulkan. Hak untuk mengakses dan membuat pembetulan boleh dilaksanakan menurut peruntukan PDPA. Sebarang permintaan mengakses Data Peribadi akan dikenakan fi/bayaran sebagai kos untuk menyediakan butir-butir Data Peribadi berhubung dengan subjeck data yang dipegang oleh Luther. Permintaan tersebut boleh dibuat secara bertulis kepada Pegawai Perlindungan Data yang dinyatakan di bawah.

## Pegawai Perlindungan Data

Luther telah melantik Puan Angeline Forbes sebagai Pegawai Perlindungan Data. Permintaan dan aduan hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Perlindungan Data. Pegawai Perlindungan Data boleh dihubungi melalui e-mel:  angeline.forbes @ Luther-services.com.

## Pemindaan Polisi

Luther berhak untuk menukar atau meminda Polisi Perlindungan Data Peribadi ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknya. Polisi terpinda boleh diperoleh daripada Pegawai Perlindungan Data.